



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PENAKSIR KANAN (C.2 EB.3)
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PENOLONG PENAKSIR KANAN
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang *Computing* / *Geography* / *Geomatics (Surveying)* / *Materials* / *Mathematics* / *Property* / *Real Estate* / *Urban Planning* / *Valuation* atau bidang bersesuaian.


ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Tanah dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Penolong Penaksir Tanah sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mahir dan berkebolehan dalam perkara-perkara berikut:
 - Kerja-kerja pengukuran dan pemetaan.
 - Menyukat dan menilai bangunan-bangunan dan tanah.
 - Mengira keluasan-keluasan dan memahami peta / pelan.
 - Menyediakan taksiran dan menulis laporan-laporan.
3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pegawai Penaksir Tanah dan Ketua Penolong Penaksir dalam kerja-kerja pemeriksaan dan membuat penilaian bagi permohonan-permohonan Pengambilan Balik Tanah, Harga Khas Tanah (*Premium*), menyediakan taksiran bagi memudahkan pinjaman Kerajaan untuk membina rumah, ‘*Wayleave Agreement*’ dan membuat taksiran bagi Cukai Setem dan Cukai Pesaka; dan
2. Membantu Ketua Penolong Penaksir dalam urusan pentadbiran dan pengurusan kakitangan di Unit Penaksiran, Jabatan Tanah.